

**Rafizi tidak mengaku bersalah, dibebaskan dengan ikat jamin RM15,000**  
**Malaysian Insider**  
**1 Ogos, 2012**  
**Oleh Amin Iskandar**

SHAH ALAM, 1 Ogos — Pengarah strategi PKR, Rafizi Ramli hari ini mengaku tidak bersalah terhadap dakwaan melanggar Seksyen 97(1) Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 (BAFIA) di Mahkamah Sesyen Shah Alam hari ini.

Rafizi diwakili oleh peguamnya N. Surendran dan Puspawati Rosman, dilepaskan oleh Hakim Aslam Zainuddin dengan wang jaminan sebanyak RM 15,000 dengan seorang penjamin.

Adun Seri Setia, Nik Nazmi Nik Ahmad merupakan penjamin bagi Rafizi.

Sementara itu Johari Mohamad didakwa bersubahat dengan Rafizi dan melanggar Seksyen 112(1)(c) Akta yang sama.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/rafizi-tidak-mengaku-bersalah-dibebaskan-dengan-ikat-jamin-rm15000/>